

KLINIK SUKAN OLAHRAGA UniMAP 2011



Sukan olahraga merupakan satu sukan asas yang sentiasa menjadi perhatian di setiap peringkat kejohanan terutamanya kejohanan bertaraf antarabangsa. Negara kita juga mempunyai jaguh dari sukan olahraga ini Nazmizan Muhammad, Mohd. Robani Hassan dan Roslinda Samsu.

Universiti Malaysia Perlis telah membuka peluang untuk mengetahui dan mempelajari perkara asas dalam sukan olahraga ini termasuk cara larian, corak regangan dan juga pemakanan dengan menganjurkan satu Klinik Sukan Olahraga UniMAP 2011 pada 4 hingga 5 Disember 2010 bertempat di Stadium Utama Negeri, Kangar, Perlis. Klinik ini disampaikan oleh panel-panel yang pernah menjadi jaguh sukan Olahraga di rantau Asia iaitu En. Zaki Sadri (Bekas Jaguh Lompatan Negara), En. Nur Herman Majid (Bekas Jaguh 110 Berpagar Negara) dan En. Mohd. Robani Hassan (Jaguh Balapan Negara) yang juga merupakan kakitangan UniMAP. Program ini mendapat sambutan hebat daripada 52 orang peserta yang terdiri daripada universiti-universiti seperti UNISZA, UMK dan UPNM serta beberapa buah sekolah di Perlis seperti SMK Syed Alwi, SMK Putra dan beberapa orang guru dari SMK Syed Hassan.

Program ini telah berlangsung dengan jayanya. Tahniah dan syabas diucapkan di atas penganjuran program ini. Diharap agar UniMAP terus menjadi nadi penggerak untuk kemajuan sukan di Malaysia terutamanya di Negeri Perlis.